



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja**

**PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN (KUMPULAN 2)
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang (*LLB*) atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan **dua (02)** kertas kerja yang asli (*original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua (2) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
 - i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam;
 - ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara (*Position Paper*) bagi mesyuarat di luar negeri;
 - iii) Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar; dan
 - iv) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas Kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan di Kementerian masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberi nasihat kepada Jabatan dalam semua hal perundangan termasuk penelitian draf perjanjian dan dokumentasi undang-undang, proses pengubalan dan hal-hal yang berkaitan dengan dasar;
2. Bekerjasama dengan Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan persetujuan ke atas draf dokumen undang-undang dan memastikan ianya teratur dari segi undang-undang untuk dilaksanakan;
3. Bekerjasama dengan Unit Perundangan badan-badan berkanun di bawah Jabatan untuk memastikan keperluan undang-undang selaras dengan dasar Jabatan;
4. Menyediakan persuratan dan balasan untuk ditandatangani oleh Setiausaha Tetap dan / atau Pengarah di Bahagian Perundangan dan Pematuhan;
5. Mengendalikan permohonan tanah yang diterima daripada orang awam yang disyaratkan jatuh di bawah konsesi Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam (PA) atau *Brunei Shell Petroleum (BSP)*;
6. Penyediaan laporan mingguan bagi Bahagian Perundangan dan Pematuhan untuk dihadapkan kepada Bahagian Dasar dan Strategi; dan
7. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah di Bahagian Perundangan dan Pematuhan dari semasa ke semasa.